

Metro (setempat) Kluang 24/4/13 ms 34

## Warga universiti perlu pergiat aktiviti penyelidikan, inovasi

**Kuantan:** Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah bertitah, aktiviti penyelidikan dan inovasi kini tidak semata-mata bersifat eksklusif kepada golongan ahli akademik saja, tetapi perlu dipelajari pentadbir universiti dan pelajarannya.

Menurut baginda, langkah itu adalah pendekatan baru yang diperlukan dalam cabaran memperkasa aktiviti berkenaan iaitu antara pendekatan bukan konvensional.

"Melalui komitmen dan galakan berterusan, lebih banyak penyelidikan dan inovasi berkualiti dapat dihasilkan.

"Pada masa sama, iklim positif ini mampu meningkatkan minat warga universiti terhadap aktiviti berke-

naan dengan lebih ramai bakaat baru yang mampu dicungkil setiap tahun," titah baginda pada Majlis Anugerah Cendekia Bitara Universiti Malaysia Pahang (UMP), baru-baru ini.

Turut hadir, Naib Canselor UMP, Profesor Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim.

Tengku Abdullah berkenan menyampaikan anugerah kecemerlangan dalam menghasilkan penyelidikan dan inovasi kepada 33 penerima yang juga warga akademik universiti berkenaan.

Baginda bertitah, penyelidikan dihasilkan kelak perlu mengambil kira isu, keperluan dan permasalahan setempat bagi memberi nilai tambah terhadap kesejahteraan masyarakat.

Dalam pada itu, Tengku Abdullah yang juga Canselor

UMP bertitah, universiti itu memerlukan pentadbir berkualiti yang mampu menerapkan elemen penyelidikan, kreativiti dan inovasi bagi meningkatkan keupayaan serta penyampaian perkhidmatan secara konsisten.

"Realiti dunia hari ini menuntut universiti untuk lebih merakyat dan bukan lagi memencil sebagai menara gading yang elit.

"Maka cabarannya kini adalah menghasilkan penyelidikan inovatif dan kreatif yang mengambil kira isu, keperluan dan permasalahan masyarakat," titah baginda.

Baginda bertitah, jika perkara itu mampu direalisasikan, baginda percaya kewujudan universiti berkenaan dapat dirasai kehadirannya dan didengari rakyat negeri ini.



TENGGU Abdullah (kiri) bersalaman dengan warga UMP sempena Majlis Anugerah Cendekia Bitara UMP di Hotel Zenith, baru-baru ini.